

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

RM9.3 juta baik pulih 38 klinik daif

Tanah Merah: Kementerian Kesihatan (KKM) memperuntukkan RM9.3 juta untuk kos baik pulih dan naik taraf 38 klinik daif di Kelantan.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni, berkata projek itu yang bakal dibayai melalui peruntukan Belanjawan 2023 dan termasuk dalam inisiatif membaik pulih 400 klinik daif seluruh negara, dapat mempertingkatkan perkhidmatan di peringkat penjagaan kesihatan primer seterusnya membantu mengurangkan kesesakan di hospital.

"Projek menambah baik dan meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur klinik atau hospital adalah sejajar dengan matlamat kerajaan bagi memastikan perkhidmatan fasiliti kesihatan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan lebih berkesan.

"Klinik daif dipilih melalui senarai pendek dilakukan pihak Kementerian selepas menerima data daripada pengarah negeri dan hospital," katanya selepas majlis penyerahan projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Tanah Merah (Reka & Bina)-Tender Semula, di sini semalam.

Beliau berkata, empat lagi projek fasiliti kesihatan di Ke-

lantan dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) bakal siap bulan depan, iaitu di Mata Ayer, Machang, Karangan dan Peria, Kuala Krai serta Sokor di Jajahan Tanah Merah, manakala Hospital Bachok dijangka siap Oktober ini sebelum beroperasi awal 2024.

Sementara itu, beliau berkata, KKM bersedia menambah perjawatan tetap sektor perubatan jika mendapat peruntukan cukup daripada Kementerian Kewangan (MOF), selain mengadakan sesi penjelasan bersama doktor perubatan untuk mengetahui masalah dan isu serta mengambil tindakan sewajarnya.

"Isu perjawatan akan diselesaikan berfasa termasuk mewujudkan jawatan kekal di fasiliti dan klinik baharu yang memerlukan khidmat dalam sektor perubatan. KKM juga berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membuka ruang petugas kesihatan mendapat perjawatan tetap.

"Tambahan pula, Kementerian dalam perancangan membangunkan hospital dan klinik baharu di seluruh negara, jadi kakitangan kesihatan perlu ditambah dari semasa ke semasa," katanya.



Lukanisman (tiga dari kiri) melihat replika bangunan tambahan Hospital Tanah Merah selepas majlis penyerahan projek di Tanah Merah, semalam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA



LUKANISMAN (lima dari kanan) menyerahkan replika kunci kepada wakil Jabatan Kerja Raya sebagai simbolik perasmian bangunan tambahan Hospital Tanah Merah semalam. – ROSALWANI CHE SOH

Dana RM9.3 juta naik taraf 38 klinik daif di Kelantan

TANAH MERAH – Kementerian Kesihatan (KKM) memperuntukan dana sebanyak RM9.3 juta bagi projek naik taraf 38 buah klinik kesihatan daif di Kelantan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, peruntukan tersebut telah diluluskan oleh kerajaan untuk KKM dalam Belanjawan 2023 baru-baru ini.

Katanya, projek baik pulih klinik-klinik daif itu dapat mempertingkatkan perkhidmatan di peringkat 'primary healthcare' selain membantu mengurangkan kesesakan di hospital kerana rawatan awal dan ringan dapat dibuat di klinik-klinik kesihatan terlebih dahulu.

"Peruntukan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

"Projek naik taraf klinik-klinik ini memberi manfaat dan menjaga kebajikan kepada rakyat di negeri ini," katanya pada sidang akhbar selepas

Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Tanah Merah, di sini semalam.

Bangunan tambahan yang bernilai RM153.2 juta itu bukan sahaja bakal memberi manfaat kepada lebih 400,000 pelanggan tetapi turut menambah satu lagi kepakaran di Hospital Tanah Merah iaitu perkhidmatan oftalmologi bagi memudahkan pesakit yang mengalami masalah penglihatan untuk mendapatkan rawatan.

Mengulas lanjut, ujarnya, empat lagi projek fasiliti kesihatan di bawah Jabatan Kerja Raya di Kelantan bakal siap April ini.

"Ia adalah Klinik Kesihatan dan Kuarters Mata Ayer di Machang, Klinik Kesihatan, Karangan (Kuala Krai) Klinik Kesihatan dan Kuarters Peria (Kuala Krai) dan Klinik Kesihatan dan Kuarters Sokor (Tanah Merah).

"Selain itu, pembinaan Hospital Bachok yang siap pada Oktober depan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal 2024," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Lebih 9,000 pesakit jalani dialisis setiap tahun

Satu daripada setiap tujuh rakyat Malaysia alami penyakit buah pinggang kronik

NILAI

Jumlah pesakit yang menghidap Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dan Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD) kini sangat membimbangkan dengan lebih 9,000 pesakit dikenal pasti perlu menjalani rawatan dialisis setiap setahun.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, statistik kajian tempatan turut mendapati satu daripada setiap tujuh rakyat Malaysia mengalami penyakit buah pinggang kronik menunjukkan ia perlu diambil perhatian serius.

"Sehubungan itu, kerajaan akan memerangi peningkatan NCD ini dan memfokuskan pencegahan CKD dalam Agenda Kesihatan Kebangsaan.

"Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia mengingatkan kita untuk mengukuhkan lagi komitmen kerajaan terhadap program pencegahan buah pinggang kronik ini," katanya ketika berucap merasmikan Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 pula mendapati 1.7 juta individu dalam negara menghidap tiga



Dr Zaliha (tiga dari kanan) merasmikan Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Nilai pada Sabtu.

rangkaian NCD utama iaitu diabetes, hipertensi dan kolesterol tinggi manakala 3.4 juta lagi menghidap kombinasi mana-mana dua penyakit NCD itu.

Selain menangani kebimbangan yang semakin meningkat itu, Dr Zaliha berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga menghasilkan Kertas Putih Kesihatan (HWP) untuk merealisasikan pengharapan dan reformasi agenda kesihatan.

Jelasnya, tumpuan utama KKM adalah untuk mengubah penjagaan pesakit kepada penjagaan kesihatan dengan meluaskan promosi dan pencegahan penyakit sebagai sebahagian daripada fokus baharu penguasaan NCD.

Justeru, beliau meminta masya-

rakat untuk bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat dan menjalankan pemeriksaan berkala untuk memastikan kesihatan sentiasa pada tahap optimum selain mendapatkan rawatan segera bagi mereka yang berpenyakit.

Sementara itu, beliau berkata, Hari Buah Pinggang bertemakan 'Bersedia Untuk Sebarang Kemungkinan, Melindungi Golongan Rentan' tahun ini dipilih kerana kesan ketara akibat bencana alam atau pandemik global pastinya menjejaskan fungsi dan keadaan hidup masyarakat secara keseluruhan.

"Adalah dianggarkan, lebih 850 juta individu di seluruh dunia menghidap penyakit buah pinggang," katanya. - Bernama

Ubat kanser mahal, IKN harap dapat bajet lebih tinggi



Dr Zaliha melepaskan peserta World Cancer Day Fun Run 2023 di IKN, Putrajaya pada Sabtu.

PUTRAJAYA - Institut Kanser Negara (IKN) berharap bajet bagi rawatan kanser dapat ditingkatkan khusus untuk ubat-ubatan kerana berlakunya kekangan dari segi rawatan berikutan ubat tidak dapat diberikan kepada setiap pesakit kerana harganya yang mahal.

Pengarah IKN, Dr Mohd Anis Haron@Harun berkata, IKN menerima kira-kira RM80 juta untuk enam bulan pertama tahun ini yang digunakan bukan sahaja untuk ubat-ubatan tetapi juga emolomen, pembedahan dan lain-lain.

Namun beliau berkata, jumlah itu dilihat tidak mencukupi kerana harga ubat-ubatan untuk rawatan kanser adalah mahal dan tidak dapat diberikan secara percuma kepada semua pesakit.

"Dengan bajet yang kami terima untuk enam bulan pertama ini lebih kurang RM80 juta, itu sahaja yang kita boleh belanjakan untuk ubat-ubet yang mahal. Kami tidak mampu memberinya secara percuma jadi IKN berharap dapat bajet yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas program World Cancer Day Fun Run 2023 yang dirasmikan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa di sini pada Sabtu.

Dr Mohd Anis berkata, bajet yang tinggi untuk ubat-ubatan diperlukan kerana ketika ini terdapat ubat tertentu seperti *targeted therapy* atau ubat sasaran yang menjadi kaedah pertama selain proses kimoterapi untuk

rawatan kanser.

Beliau berkata, IKN masih mengenakan kuota kepada pesakit terpilih dan keputusan itu dibuat pakar perubatan untuk kesesuaian ubat berkenaan dan proses itu bukan mudah kerana perlu mendapatkan kelulusan yang memerlukan dokumentasi lengkap bahawa pesakit itu sesuai untuk mendapatkan ubat berkenaan.

Sementara itu, Dr Mohd Anis berkata, terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kanser ekoran promosi yang aktif dalam laman sosial dengan IKN menerima kemasukan pesakit luar sebanyak 51,000 orang dan pesakit dalam seramai 9,500 orang tahun lepas. - Bernama

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION / NEWS

WORLD KIDNEY DAY

ZALIHA: 1 IN 7 MALAYSIANS HAS KIDNEY DISEASE

At least 9,000 people need dialysis, says health minister

NILAI

ONE in seven Malaysians suffers from chronic kidney disease (CKD), said Health Minister Dr Zaliha Mustafa said.

She said research also showed at least 9,000 Malaysians need dialysis.

"The government is committed to addressing the increase of non-communicable diseases (NCDs) and is focusing on the prevention of CKD under the National Health Agenda.

"World Kidney Day reminds us to strengthen the government's commitment to CKD prevention programmes," she said in her speech when launching the national-level World Kidney Day here yesterday.

She said the 2019 National Health and Morbidity Survey found that 1.7 million individuals in the country suffered from three NCDs, namely diabetes, hypertension and high cholesterol,

while another 3.4 million suffered from a combination of two of the NCDs.

In addition to addressing growing health concerns, Dr Zaliha said the Health Ministry was also committed to producing a Health White Paper to reform the health-care sector.

She said the ministry's main focus was to transform patient care to healthcare by expanding the promotion of disease prevention as part of the new focus on NCD management.

She said people should adopt a healthy lifestyle and go for regular medical check-ups to ensure that their health was at an optimal level, as well as seek treatment for any illness.

She said this year's World Kidney Day, with the theme of "Kidney Health for All — Preparing for the Unexpected, Supporting the Vulnerable", was chosen because of the significant effects of natural disasters or global pandemics on society's function and living conditions.

"It is estimated that more than 850 million people suffer from kidney diseases worldwide.

"They are a vulnerable group and will certainly be affected (by global epidemics, especially in getting access to medical services and care." **Bernama**

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Run-down health clinics in Kelantan to be fixed

KOTA BARU: A total of 38 dilapidated health clinics in Kelantan will be renovated and upgraded this year, with the Health Ministry allocating RM9.3mil for it.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said the allocation was approved by the government under Budget 2023 to reduce overcrowding in hospitals.

"Renovations of these run-down clinics can improve services at the primary healthcare level, thus reducing congestion in hospitals because early and light treatment can be done at health clinics first.

"This allocation shows the government's concern in improving the quality of health services and the welfare of the people in this state," he told reporters after the Hospital Tanah Merah Extension Construction Project handover ceremony here yesterday, reported Bernama.

The construction of Hospital Tanah Merah's additional building costing RM153.2mil will begin on May 1 in phases, and benefit over 400,000 residents in the surrounding area.

Lukanisman said he was informed by the Public Works Department that there are four more health facility projects in Kelantan to be completed in April this year.